

SNEK RIA FOOD INDUSTRIES

**RANCANGAN
PERNIAGAAN
MEMPROSES MAKANAN
RINGAN**

PERMOHONAN PEMBIAYAAN MARA

ESSE MANAGEMENT SERVICES

01-Jun-07

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1. PENDAHULUAN	3
2. LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	4
3. LATAR BELAKANG USAHAWAN	5
4. ASPEK TEKNIKAL/OPERASI	7
5. ASPEK PEMASARAN	15
6. ASPEK PENGURUSAN	17
7. ASPEK KEWANGAN	19
8. KESIMPULAN	30
9. LAMPIRAN	31

PENDAHULUAN

Rancangan Perniagaan ini di majukan adalah bertujuan untuk memohon bantuan pembiayaan dari pihak MARA bagi pembelian mesin pengeluaran snek 'Prawn Fingers' berskala besar dan pembiayaan modal operasi.

Pusat pengeluaran bertempat di:

18-G Jln UP ½,

Ukay Perdana,

68000 Ampang Selangor.

Perjanjian sewa telah dibuat dengan pemilik kedai dan pihak syarikat bersetuju untuk masuk ke premis baru pada 1 Mac 2008. Sebelum ini syarikat beroperasi di Jalan Air Madu, Setapak Kuala Lumpur. Salinan perjanjian sewa dilampirkan di bahagian lampiran.

Kos projek adalah berjumlah RM 167,000. Ia meliputi kos pembelian mesin sebanyak RM 81,500, dan modal operasi sebanyak RM 68,500. Pengusaha telah pun mengeluarkan modal sendiri sebanyak RM 17,000 untuk kos pra-operasi projek. Pembiayaan sebanyak RM 150,000 diperlukan dari pihak MARA untuk merealisasikan projek ini.

Mesin memproses 'Prawn Fingers' tersebut meliputi dari awal proses iaitu dari proses bancuhan tepung sehinggalah ke proses pembungkusan. Ianya akan mengeluarkan barang siap dengan purata pengeluaran sebanyak 1 tan sehari.

Pembelian mesin ini amat perlu untuk mencapai pengeluaran yang efektif. Sasaran pengeluaran adalah sebanyak 1 tan sehari. Pengusaha hanya dapat mengeluarkan produk 100 kg sehari jika menggunakan proses manual biasa. Sekiranya mesin ini digunakan, purata pengeluaran 100 kg sejam dapat dihasilkan.

Permintaan untuk produk 'Prawn Fingers' ini amatlah tinggi sehinggakan Snek Ria Food Industries tidak dapat memenuhi permintaan memandangkan proses pengeluaran sedia ada di jalankan secara manual.

LATARBELAKANG PERNIAGAAN

Snek Ria Food Industries telah ditubuhkan pada tahun 6 Februari 2006. Aktiviti utama syarikat syarikat ini ialah pengeluaran snek tradisional melayu dengan skala pengeluaran di tahap sederhana iaitu 100 kg sehari. Produk utama syarikat adalah 'Prawn Fingers' iaitu sejenis kuih tradisional masyarakat melayu biasanya di kenali sebagai kuih gunting. Syarikat mempunyai pasaran yang stabil dan seringkali tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan berikutan pengeluaran yang amat terhad.

Syarikat adalah milikan tunggal dimiliki oleh **Cik Asmah Laili binti Abd Rahman**. Walaupun syarikat ini baru ditubuhkan, namun kemahiran untuk mengeluarkan produk ini datangnya dari pengusaha sendiri yang sebelum ini menjalankan perniagaan dari rumah selama tujuh tahun.

Maklumat Am

Nama Syarikat	: SNEK RIA FOOD INDUSTRIES
Jenis Milikan	: Milikan Tunggal
Tarikh Didaftarkan	: 06 Februari 2006
Tarikh Mula Operasi	: 15 Januari 2006
No. Pendaftaran Syarikat	: 001597147-M
Alamat Pejabat	: 90 Jalan 82/26, Taman Sri Rampai 53300 Setapak, Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03 4142 8052
Alamat Kilang	: 18-G Jln UP ½, Ukay Perdana, 68000 Ampang, Selangor.
Jenis Industri	: Makanan Ringan
Jenis Produk	: Snek 'Prawn Fingers'

LATAR BELAKANG USAHAWAN

Nama Pemilik : Asmah Laili Binti Abdul Rahman

No. K/P Baru : 670612-06-5458

Tarikh Lahir : 12 Jun 1967

Bangsa : Melayu

Jantina : Perempuan

Taraf Perkahwinan : Ibu tunggal

Warganegara : Malaysia

Taraf Pendidikan : Sekolah Menengah

Agama : Islam

Pengalaman Kerja : Pengusaha Kedai Makan - 5 tahun
Pengusaha Makanan Ringan - 7 tahun

Pekerjaan Sekarang : Usahawan Snek Makanan Ringan

Kursus Yang Dihadiri : Kursus Asas Keusahawanan – MARA

Kemahiran/Kebolehan : Pengurusan Operasi dan Pemasaran

No Telefon Bimbit : 017 316 4397

Jawatan Dalam Syarikat : Pengurus Operasi

Sumber Rujukan : Nama : Rodhiah Abdul Kudus
Pekerjaan : Akauntan
Alamat : No.13A-4, Kg. Klang Gate, K.L
No. Telefon : 012 660 9067

Tanggungjawab Syarikat Dengan Institusi Kewangan Masa Kini

Bil	Nama Institusi Kewangan	Tarikh & Jumlah Diluluskan (RM)	Tujuan	Faedah/ Jangkamasa	Baki Pada 31 Disember 2007 (RM)	Jenis Cagaran	Tunggakan (Bulan)
1	MARA	15/08/2006 RM 10,000	Modal Pusingan	5% 36 bulan	RM 6,111	-	-
Jumlah		RM 10,000					

PELAN TEKNIKAL/OPERASI

Profil Produk

Snek Ria Food Industries mempunyai beberapa produk snek iaitu

- i) Snek Prawn Fingers (Produk Utama)
- ii) Snek Tiram Manis
- iii) Snek Muruku Kuetiaw
- iv) Snek Ubi Pedas Manis
- v) Snek Ubi Black Peper
- vi) Snek Ubi BBQ
- vii) Snek Ubi Keledek Ungu
- viii) Snek Ubi Bulat Masin
- ix) Snek Bawang
- x) Snek Pisang Lemak Masin

Keluaran utama syarikat **Snek Ria Food Industries** adalah 'Prawn Fingers' atau lebih dikenali di kalangan masyarakat melayu iaitu kuih gunting.

Sepanjang penglibatan pengusaha dalam pengeluaran Prawn Fingers selama 7 tahun, produk ini telah mengalami proses evolusi dimana ianya memenuhi selera pelanggan iaitu tidak berminyak, rangup, tiada bahan pengawet serta rasanya yang sedap.

Permintaan untuk produk Prawn Fingers ini amatlah tinggi sehinggakan Snek Ria Food Industries tidak dapat memenuhi permintaan memandangkan ianya di jalankan secara manual.

Dari segi pembungkusan produk, ianya dibungkus mengikut berat iaitu 5kg sebungkus untuk pasaran borong, 1kg sebungkus untuk pasaran runcit. Setiap pembungkusan dilekatkan label Snek Ria Food Industries.


Premis Pengeluaran

Lokasi pengeluaran snek pada sebelum ini terletak di Jalan Air Madu, Setapak Kuala Lumpur. Keluasannya adalah 20x40 kaki persegi. Premis ini 100% kegunaannya untuk memproses snek makanan ringan. Premis ini secara amnya tidak cukup ruang untuk memasang mesin pemrosesan lengkap 'Prawn Fingers'.


Oleh sebab itu pihak syarikat mengambil inisiatif mencari premis baru yang luas untuk memasang mesin berkenaan. Ianya terletak di 18-G Jln UP ½, Ukay Perdana, 68000 Ampang, Selangor. Perjanjian sewa telah dibuat dan pihak syarikat akan mula menyewa bermula 1 Mac 2008 ini. Dengan keluasan tapak premis iaitu 20x80 kaki persegi, ianya cukup sesuai untuk pemasangan mesin tersebut.

Premis tersebut disewa dengan kadar **RM 1,900 sebulan**. Kedudukan premis yang strategik iaitu dekat dengan tempat-tempat pengedaran syarikat, begitu menjimatkan dari segi kos penghantaran produk di sekitar Lembah Kelang khususnya.

Pelan Lokasi



Susun Atur Premis



Gambar Premis



18-G Jalan UP ½, Ukay Perdana, 68000 Ampang Selangor

Mesin/Kenderaan/Peralatan Penting Sedia Ada

Jenis Dan Bilangan	Keupayaan Sebenar	% Kegunaan Sekarang	Harga Belian (RM)	Pembiaya
Mesin				
Mixer	100kg/hari	100%	4,000	Sendiri
Roller & Cutter (7mm)	100kg/hari	100%	7,000	Sendiri
Roller	100kg/hari	100%	5,500	Sendiri
Industrial Blender	100kg/hari	100%	2,000	Sendiri
Kenderaan				
Van			40,000	Bank

Mesin Yang Akan Dibeli

Jenis	Keupayaan Sebenar	Harga Sebenar (RM)	Harga (RM)	Pembekal
Mesin				
1 line production 'Prawn Fingers'	1 tan/hari	81,500	81,500	Zul Design Autotronic

Zul Design Autotronic dimiliki oleh pereka terkenal negara Zulkifli Hj Haron yang seringkali mengharumkan nama negara dengan ciptaan yang inovatif.

Latihan pengendalian mesin diberikan oleh pihak pembekal. Jika mesin mengalami kerosakan, pihak Zul Design Autotronic sendiri akan datang ke premis untuk memberi bantuan teknikal. Dengan rekabentuk yang mudah, mesin ini mudah diselenggara dan barang-barang ganti mudah didapati di semua kedai. Setiap proses ditunjangi dengan motor yang berlainan. Ini bagi mengelak kos pembaikan yang tinggi. Jika sekiranya salah satu motor rosak, ianya hanya perlu diganti dan ianya mudah didapati di kedai-kedai alat ganti di seluruh negara.

Memandangkan mesin ini di buat oleh Zul Design Autotronic, ianya murah jika di bandingkan dengan harga pasaran. Matlamat Zul Design Autotronic yang ingin membantu pengusaha-pengusaha bumiputera, tidak meletakkan keuntungan sebagai matlamat utama.

Kapasiti Dan Pengeluaran

Kapasiti sekarang pengusaha hanya dapat mengeluarkan produk sebanyak 100 kg sehari. Kapasiti pengeluaran untuk mesin baru pula dijangka dapat mengeluarkan 100 kg dalam masa satu jam. Kesimpulannya secara purata, dalam masa sehari dengan penggunaan mesin baru, produk dapat dikeluarkan sebanyak 1 tan sehari.

Sememangnya Snek Ria Food Industries ingin mencapai pengeluaran 1 tan sehari. Syarikat yakin dengan keadaan pasaran yang begitu menggalakkan.

Proses Pengeluaran

Carta Aliran Pengeluaran 'Prawn Fingers'



Kawalan Mutu

Setiap kali proses pengeluaran dilakukan, pengusaha memastikan kebersihan mesin. Mesin akan dibasuh selepas setiap kali habis proses pengeluaran untuk hari tersebut.

Memandangkan resipi ini tidak menggunakan bahan pengawet untuk memanjangkan jangka hayat produk, pengusaha menggunakan kaedah vakum iaitu penyedutan udara keluar daripada plastik pembungkusan.

Plastik pembungkusan dari jenis O.P.P yang mempunyai kualiti terbaik untuk menjamin ketahanan produk dan tidak menghilangkan aroma Prawn Fingers tersebut.

Bahan-bahan terbuang seperti minyak masak yang telah di gunapakai, ianya tidak akan dibuang terus ke dalam longkang. Snek Ria Food Industries telah memasang alat untuk memerangkap minyak untuk menjamin kebersihan premis pengeluaran dan disekitarnya.

PELAN PEMASARAN

Strategi pemasaran SNEK RIA FOOD INDUSTRIES adalah mengkaji dan peka terhadap segala keperluan pemborong-pemborong di sekitar Lembah Kelang. Dalam pada masa yang sama, syarikat turut memasarkan sendiri produk di sekitar 10 kilometer dari kawasan pengeluaran iaitu di sekitar pasar-pasar malam.

Pasaran SNEK RIA FOOD INDUSTRIES terbahagi kepada 2 pasaran. Ianya meliputi pasaran runcit dan borong. Pengguna utama produk ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Pendekatan yang diambil adalah seperti:

a. **Jualan Runcit:**

Menjual produk secara runcit di pasar-pasar malam di sekitar Kuala Lumpur. Setiap hari produk di jual di 2 buah tapak pasar malam. Jadi dalam seminggu pihak syarikat menjual di 14 tempat yang berasingan.

b. **Jualan Borong:**

Menjual secara borong di kedai-kedai sekitar Chow Kit. Pihak syarikat sebelum ini telah mendapat tempat untuk membekal produk 'Prawn Fingers' di Mydin, Jalan Masjid India. Tapi ianya telah dihentikan memandangkan pihak syarikat tidak dapat membekalkannya secara konsisten memandangkan pengeluaran yang terhad. Dengan adanya mesin baru ini, pengeluaran yang konsisten dapat dikeluarkan dan boleh mendapat tempat di Mydin.

c. **Jualan Ejen**

Penjualan dilakukan melalui ejen-ejen yang dilantik dengan memberi komisen pada setiap jualan.

Pada masa lalu, pihak syarikat berkeupayaan mengeluarkan sebanyak 10 tan produk prawn fingers pada setiap musim perayaan hari raya puasa, bagi memenuhi permintaan pelanggan. Semua ini dikeluarkan dengan proses manual yang memenatkan. Dengan adanya mesin ini proses pengeluaran akan dapat dikeluarkan sebanyak lapan kali ganda.

Disamping itu pihak pengurusan syarikat akan memastikan semua kakitangan memberi komitmen sepenuhnya dalam mencapai visi dan misi syarikat. Pihak syarikat akan memberi keutamaan kepada sikap dan keselesaan pekerja pemprosesan supaya mereka mempunyai motivasi yang tinggi dalam menjalankan tugas.

Strategi promosi produk, di setiap premis pasar malam, satu dulang sampel produk akan dibuka untuk pengguna mencuba dahulu sebelum membelinya. Ini akan mengukuhkan lagi kepercayaan pelanggan bahawa produk yang dihasilkan adalah amat bermutu.

Senarai Pelanggan sedia ada dan akan datang

Nama & Alamat Pelanggan	Keperluan Setahun (kuantiti)	Bekalan Oleh Pemohon (kuantiti)	Tempoh Pasaran	Nilai Pasaran (RM)
1. Heng Keng (K.B)	8 tan	5 tan	Setiap tahun	52,000
2. Sykt. Matahari Pagi	8 tan	5 tan	Setiap tahun	52,000
3. Kop. Kedai Buku (U.M)	5 tan	5 tan	Setiap tahun	32,500
4. Ani Biskut	6 tan	5 tan	Setiap tahun	39,000
5. M.H.P Ent.	8 tan	5 tan	Setiap tahun	52,000
6. Mydin (akan datang)	240 tan	5 tan	Setiap tahun	1,560,000
Jumlah	275 tan	30 tan		1,787,500

**K.B – Kedai Borong U.M – Universiti Malaya*

Secara amnya jualan dijalankan secara tunai bagi pelanggan runcit, manakala bagi pelanggan borong dasar kredit secara puratanya 2 minggu.

RANCANGAN ORGANISASI

Visi. SNEK RIA FOOD INDUSTRIES menetapkan visi dan misi iaitu:


‘Menjadi pembekal snek ‘Prawn Fingers’ yang terbesar dan terkenal di kawasan Lembah Kelang’.

Misi.

‘Memproses snek mengikut kehendak dan selera pengguna’

ORGANISASI SYARIKAT

Syarikat diterajui oleh seorang pengurus besar dan 2 pegawai dengan dibantu seramai 4 kakitangan. Carta organisasi seperti di Rajah 1.



Nama Dan Latar Belakang Kakitangan Utama Syarikat

Nama : Berahim

Umur : 36 tahun

Kelulusan : SPM

Jawatan Dalam Syarikat : Pegawai Pemasaran

Nama : Mohd Hazil Izzuan Bin Md Rasib

Umur : 26 tahun

Kelulusan : Diploma Pemasaran UITM

Pengalaman Kerja : Kedai Runcit – 2 tahun

Esse Management Services – 1 tahun

Jawatan Dalam Syarikat : Pengurus Pemasaran

PENYATA AKAUN TERKINI**SNEK RIA FOOD INDUSTRIES****PENYATA PENGILANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	RM
Kos Bahan Mentah	
Stok Awal Bahan Mentah	2,836
+ Belian	26,559
	29,395
Tolak Stok Akhir	800
Jumlah Kos Bahan Mentah	28,595
Kos Pengilangan	
Sewa Premis	6,000
Upah Pekerja	19,200
Overhead Premis	2,640
Penyelenggaraan Mesin	580
Pembungkusan	3,720
<u>Susutnilai</u>	
Mesin	6,260
Jumlah Kos Pengilangan	32,140
Jumlah Kos Pengeluaran	60,735

PENYATA AKAUN TERKINI**SNEK RIA FOOD INDUSTRIES****PENYATA PENDAPATAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	RM
Jumlah Dagangan (Jualan/Pendapatan)	94,356
Kos Barang Dijual	
Stok Awal	1,332
+ Kos Pengeluaran	60,735
	62,067
Tolak Stok Akhir	2,410
Kos Barang Di Jual	59,657
UNTUNG KASAR	34,699
Kos Jualan	
Pengiklanan/Promosi	1,800
Pengangkutan	6,240
Kos Pengurusan	
Gaji Pengurus	12,000
Telefon	1,302
Penyelenggaraan Kenderaan	564
Alatulis & Alatan Pejabat	780
Daftar Perniagaan	70
DBKL	0
Caj Perakaunan	600
Faedah Sewa Beli	1,050
Faedah Pinjaman Mara 1	263
Caj Bank	102
Jumlah Perbelanjaan	24,771
UNTUNG BERSIH	9,928

PENYATA AKAUN TERKINI**SNEK RIA FOOD INDUSTRIES****PENYATA KUNCI KIRA-KIRA**

PADA 31 DISEMBER 2007

ASSET SEMASA

	RM
Wang Di Tangan/Bank	1,834.50
Stok Akhir	2,410.00
Deposit	2,400.00
Penghutang Perdagangan	10,000.00
	16,644.50

LIABILITI/TANGGUNGAN SEMASA

Pemiutang Perdagangan	2,500.00
Bil - Bil Belum Bayar	0.00
Penghutang Sewa Beli	0.00
	2,500.00
	14,144.50

ASET/TANGGUNGAN BERSIH**ASET TETAP**

Pembelian Aset Kelengkapan Projek	62,600.00
<i>Peruntukan Susutnilai / Susutnilai terkumpul</i>	40,520.00
<i>Nilai Bersih</i>	22,080.00
	22,080.00
	36,224.50

JUMLAH ASET**LIABILITI/TANGGUNGAN JANGKA PANJANG**

Pembiayaan MARA 1	6,111.00
	30,113.50

DIBIAYAI OLEH

Modal Asal	25,000.00
Modal Tambahan	0.00
Ambilan 2006	(17,131.00)
Ambilan 2007	(6,951.50)
Untung / (Rugi) Bersih 2006	19,268.00
Untung / (Rugi) Bersih 2007	9,928.00
NILAI BERSIH	30,113.50

PELAN KEWANGAN

Kos Projek dan Sumber Pembiayaan

BIL	BUTIR KEPERLUAN	KOS	SUMBER PEMBIAYAAN (RM)		
			MARA	USAHAWAN	JUMLAH
	I. KOS TETAP				
1	1 Line Machine Production	81,500	81,500	0	81,500
	JUMLAH I	81,500	81,500	0	81,500
	II. KOS BERUBAH				
	Kos Barangan Jualan(KBJ) 3 Bulan				
1	Minyak masak	7,000	7,000	0	7,000
2	Bawang	4,000	4,000	0	4,000
3	Udang	8,000	8,000	0	8,000
4	Tepung	11,300	11,300	0	11,300
5	Cili kering	7,000	7,000	0	7,000
6	Plastik pembungkus	6,000	6,000	0	6,000
	Modal Kerja (3 bulan)				
1	Gaji Pengurus	6,000	6,000	0	6,000
2	Gaji Pekerja	8,400	8,400	0	8,400
3	Air / Elektrik / Telefon	1,800	1,800	0	1,800
4	Perjalanan/Pengangkutan	2,100	2,100	0	2,100
5	Promosi dan Pengiklanan	3,600	3,600	0	3,600
6	Penyelenggaraan Mesin	2,500	2,500	0	2,500
7	Alatulis	800	800	0	800
	JUMLAH II	68,500	68,500	0	68,500
	III. KOS PRA OPERASI				
1	Deposit Sewa, api & air	7,600	0	7,600	7,600
2	Ubahsuai premis	6,900	0	6,900	6,900
3	Papan perniagaan	2,500	0	2,500	2,500
	JUMLAH III	17,000	0	17,000	17,000
	JUMLAH (I + II+III)	167,000	150,000	17,000	167,000
	PERATUSAN PEMBIAYAAN		90%	10%	100%

PERINCIAN ALIRAN KEWANGAN 3 TAHUN**Unjuran Jualan Bulanan 3 Tahun**

BULAN	TAHUN		
	1	2	3
1	9,520	105,000	140,000
2	9,520	105,000	140,000
3	9,520	105,000	140,000
4	70,000	105,000	140,000
5	70,000	105,000	140,000
6	70,000	105,000	140,000
7	70,000	105,000	140,000
8	70,000	105,000	140,000
9	70,000	105,000	140,000
10	70,000	105,000	140,000
11	70,000	105,000	140,000
12	70,000	105,000	140,000
JUMLAH	658,560	1,260,000	1,680,000

PERBELANJAAN**Perbelanjaan Modal***1. Pelbagai Deposit :*

Deposit Elektrik, Air dan Talipon	1,900
Deposit Sewa RM 1,900	5,700
JUMLAH	7,600

2. Pembelian/Perbelanjaan Aset :

Kos	(RM)
Mesin & Peralatan Operasi	
1 Line Machine Production	81,500
JUMLAH	81,500

Kos Barang Dijual

<i>BULAN</i>	<i>TAHUN</i>		
	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>
1	2,951	30,225	40,300
2	2,951	30,225	40,300
3	2,951	30,225	40,300
4	20,000	30,225	40,300
5	20,000	30,225	40,300
6	20,000	30,225	40,300
7	20,000	30,225	40,300
8	20,000	30,225	40,300
9	20,000	30,225	40,300
10	20,000	30,225	40,300
11	20,000	30,225	40,300
12	20,000	30,225	40,300
JUMLAH	188,853	362,700	483,600

Perbelanjaan Perkilangan Bulanan

<i>PERKARA</i>	<i>TAHUN</i>		
	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>
Sewa Premis	22,800	22,800	22,800
Upah Pekerja	38,400	40,320	42,336
Overhead Premis	6,240	6,552	6,880
Penyelenggaraan Mesin	1,500	1,575	1,654
Pembungkusan	6,720	7,056	7,409
JUMLAH	75,660	78,303	81,078

Perbelanjaan Pengurusan Bulanan

<i>PERKARA</i>	<i>TAHUN</i>		
	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>
Promosi dan Pengiklanan	3,600	3,780	3,969
Pengangkutan	9,000	9,450	9,923
Gaji Pengurus	24,000	24,000	24,000
Telefon	1,440	1,512	1,588
Penyelenggaraan Kenderaan	5,000	5,250	5,513
Alatulis	3,600	3,780	3,969
JUMLAH	34,040	34,542	35,069

Perbelanjaan Pengurusan Tahunan

PERKARA	TAHUN		
	1	2	3
Pembaharuan lesen	70	70	70
MPAJ	240	240	240
Caj Perakaunan	600	600	600
JUMLAH	910	910	910

Anggaran jangka hayat aset tetap

ASET TETAP	J.Hayat (Thn)
Van	10
Mesin	10
Ubahsuai Kilang	5

Kaedah garis lurus

Anggaran kadar peningkatan tahunan modal kerja

KADAR PENINGKATAN MODAL KERJA	
Kadar kenaikan modal tahun 2	5%
Kadar Kenaikan modal tahun 3	5%

Anggaran nilai stok barang siap dan bahan mentah akhir tahun

STOK BARANG SIAP AKHIR TAHUN	RM
Tahun 1	3,243
Tahun 2	5,373
Tahun 3	4,628

STOK BAHAN MENTAH AKHIR TAHUN	RM
Tahun 1	1,976
Tahun 2	4,361
Tahun 3	3,218

Anggaran peningkatan modal kerja

KADAR PENINGKATAN MODAL KERJA	
Kadar kenaikan modal kerja tahun 2	5%
Kadar kenaikan modal kerja tahun 3	5%

Cadangan Pembayaran Balik Pinjaman

BAYARAN BALIK PINJAMAN MARA				
Jumlah	150,000			
Kadar Faedah	8%			
Tempoh	84 BULAN			
Pembayaran balik bermula	JULAI 2008			
Kaedah	GARIS LURUS			
Amaun Pokok Sebulan	RM	1,786		
Amaun Faedah Sebulan	RM	143		
Tahun	Pokok	Faedah	Jumlah Bayaran	Baki Pokok
1	10,714	857	11,571	139,286
2	21,429	1,714	23,143	117,857
3	21,429	1,714	23,143	96,429
4	21,429	1,714	23,143	75,000
5	21,429	1,714	23,143	53,571
6	21,429	1,714	23,143	32,143
7	21,429	1,714	23,143	10,714
8	10,714	857	11,571	0

SNEK RIA FOOD INDUSTRIES
UNJURAN PENYATA PENGILANGAN BAGI 3 TAHUN

	TAHUN I RM	TAHUN II RM	TAHUN III RM
Kos Bahan Mentah			
Stok Awal Bahan Mentah	800	1,976	4,361
+ Belian	188,853	362,700	483,600
	189,653	364,676	487,961
Tolak Stok Akhir	1,976	4,361	5,000
Jumlah Kos Bahan Mentah	187,677	360,315	482,961
Kos Pengilangan			
Sewa Premis	22,800	22,800	22,800
Upah Pekerja	38,400	40,320	42,336
Overhead Premis	6,240	6,552	6,880
Penyelenggaraan Mesin	1,500	1,575	1,654
Pembungkusan	6,720	7,056	7,409
<u>Susutnilai</u>			
Mesin	17,310	17,310	17,310
Jumlah Kos Pengilangan	75,660	78,303	81,078
Jumlah Kos Pengeluaran	263,337	438,618	564,039

SNEK RIA FOOD INDUSTRIES
UNJURAN PENYATA PENDAPATAN BAGI 3 TAHUN

	TAHUN I RM	TAHUN II RM	TAHUN III RM
Jumlah Dagangan (Jualan/Pendapatan)	658,560	1,260,000	1,680,000
Kos Barang Dijual			
Stok Awal	2,410	3,243	5,373
+ Kos Pengeluaran	263,337	438,618	564,039
	265,747	441,861	569,412
Tolak Stok Akhir	3,243	5,373	4,628
Kos Barang Di Jual	262,504	436,488	564,784
UNTUNG KASAR	396,056	823,512	1,115,216
Kos Jualan			
Pengiklanan/Promosi	3,600	3,780	3,969
Pengangkutan	9,000	9,450	9,923
Kos Pengurusan			
Gaji Pengurus	24,000	24,000	24,000
Telefon	1,440	1,512	1,588
Penyelenggaraan Kenderaan	5,000	5,250	5,513
Alatulis & Alatan Pejabat	3,600	3,780	3,969
Daftar Perniagaan	70	70	70
DBKL	240	240	240
Caj Perakaunan	600		
Faedah Sewa Beli	0	1,103	1,158
Faedah Pinjaman Mara 1	263	219	0
Caj Bank	180	345	675
Faedah Pinjaman Mara 2	857	1,714	1,714
Jumlah Perbelanjaan	48,850	51,463	52,818
UNTUNG BERSIH	347,206	772,049	1,062,398

SNEK RIA FOOD INDUSTRIES

UNJURAN 3 TAHUN PENYATA KUNCI KIRA-KIRA

<u>ASSET SEMASA</u>	TAHUN I	TAHUN II	TAHUN III
Wang Di Tangan/Bank	410,884	1,154,203	2,195,836
Stok Akhir	3,243	5,373	4,628
Deposit	7,600	7,600	7,600
Penghutang Perdagangan	10,000	10,000	10,000
	431,727	1,177,176	2,218,064
<u>LIABILITI/TANGGUNGAN SEMASA</u>			
Pemiutang Perdagangan	2,500	2,500	2,500
Bil - Bil Belum Bayar	0	0	0
Penghutang Sewa Beli	0	0	0
	2,500	2,500	2,500
<u>ASET/TANGGUNGAN BERSIH (i)-(ii)</u>	429,227	1,174,676	2,215,564
<u>ASET TETAP</u>			
Pembelian Aset Kelengkapan Projek	158,600	158,600	158,600
<i>Peruntukan Susutnilai / Susutnilai terkumpul</i>	57,830	71,140	84,450
<i>Nilai Bersih</i>	100,770	87,460	74,150
	100,770	87,460	74,150
JUMLAH ASET (iii + iv)	529,997	1,262,136	2,289,714
<u>LIABILITI/TANGGUNGAN JANGKA PANJANG</u>			
Pembiayaan MARA 1	2,778	0	0
Pembiayaan MARA 2	139,286	117,857	96,429
	527,219	1,262,136	2,289,714
<u>DIBIYAI OLEH</u>			
Modal Asal	25,000	25,000	25,000
Modal Tambahan	167,000	167,000	167,000
Ambilan 2006	(17,131)	(17,131)	(17,131)
Ambilan 2007	(6,952)	(6,952)	(6,952)
Ambilan Tahun I	(17,101)	(17,101)	(17,101)
Ambilan Tahun II	0	(38,235)	(38,235)
Ambilan Tahun III	0	0	(35,978)
Untung / (Rugi) Bersih 2006	19,268	19,268	19,268
Untung / (Rugi) Bersih 2007	9,928	9,928	9,928
Untung / (Rugi) Bersih Tahun I	347,206	347,206	347,206
Untung / (Rugi) Bersih Tahun II	0	773,152	773,152
Untung / (Rugi) Bersih Tahun III	0	0	1,063,556
NILAI BERSIH	527,219	1,262,136	2,289,714

KESIMPULAN

Berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan dalam rancangan perniagaan ini, dapat dirumuskan bahawa perniagaan pemprosesan makan ringan 'Prawn Fingers' mampu memberi pulangan yang lumayan dalam jangka masa panjang.

Keuntungan syarikat dapat dilihat meningkat secara dinamik dari masa ke semasa. Pihak **SNEK RIA FOOD INDUSTRIES** amat berkeyakinan penuh pihak **MARA** dapat meluluskan permohonan pembiayaan kewangan berjumlah RM 150,000 bagi menjayakan perniagaan ini

LAMPIRAN

1. Salinan Pendaftaran Perniagaan
2. Sebut Harga Mesin Memproses 'Prawn Fingers'
3. Penyata Kewangan 6 bulan Terakhir
4. Surat tawaran pinjaman MARA
5. Slip bayaran pinjaman MARA
6. Perjanjian sewa premis
7. Sijil Kursus Asas Kebersihan & Penyediaan Makanan
8. Kad Perakuan Suntikan Pengendali Makanan TY2
9. Permit Perniagaan MPAJ (dalam proses kelulusan)
10. Sebutarga Mesin
11. Penyata akaun pelanggan
12. Gambar